

**LEKSIKOSTATISTIK DAN GLOTOKRONOLOGI ANTARA BAHASA
BANJAR DENGAN BAHASA MELAYU:
KAJIAN LINGUISTIK SEJARAH DAN PERBANDINGAN**

Mohd Khaidir Abdul Wahab¹
Adi Kasman Che Halin²
Universiti Sains Malaysia¹
Universiti Utara Malaysia²

Corresponding Author's Email: mohdkhaidir@usm.my

Article History:

Received : 13 September 2021
Accepted : 29 September 2021
Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Bahasa Banjar merupakan bahasa Austronesia yang dituturkan oleh suku Banjar di Kalimantan, Indonesia sebagai bahasa ibunda. Bahasa Banjar adalah cabang bahasa yang berkembang daripada bahasa Melayu. Bahasa Banjar dihipotesiskan sebagai bahasa proto-Malayik, sama seperti bahasa Minangkabau dan bahasa Serawai atau Bengkulu. Kajian ini akan meneliti hubungan kekerabatan dan abad pisah antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu dengan cara menyenaraikan kosa kata asas kedua-dua bahasa ini dengan menggunakan kaedah perbandingan leksikostatistik dan penerapan kaedah glotokronologi. Tinjauan dan penyenaian kosa kata asas bahasa ini akan memanfaatkan senarai 100 kata Morris Swadesh. Kajian ini memfokuskan dua perubahan bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Banjar yang dapat ditentukan tingkat kekerabatan dan abad pisah bagi kedua-dua bahasa ini. Daripada 100 perkataan yang dibandingkan sebanyak 91 kosa kata atau 91.9% bahasa Banjar yang berkognat dengan bahasa Melayu. Berdasarkan peratus kekerabatan ini memperlihatkan bahasa Banjar dan bahasa Melayu berada pada tingkat kekerabatan bahasa. Abad pisah kedua-dua bahasa ini diandaikan adalah di antara abad ke-17 hingga abad ke-19. Dapatan ini juga selari dengan perkiraan linguistik sejarawi, lama-waktu atau usia sesuatu bahasa/dialek kurang daripada 2500 tahun. Walaupun hubungan kekerabatan bahasa Banjar dengan bahasa Melayu sangat rapat, iaitu berada dalam tingkat kekerabatan bahasa, orang Melayu tidak dapat memahami bahasa Banjar kecuali dengan mempelajarinya. Dapatan kajian ini merupakan usaha kecil mendokumentasikan unsur linguistik bahasa Banjar yang semakin dipinggirkan.

Kata Kunci: leksikostatistik, glotokronologi, bahasa Banjar, bahasa Melayu, linguistik sejarah dan perbandingan.

**LEXICOSTATISTIC AND GLOTTOCHRONOLOGY BETWEEN BANJAR AND MALAY
LANGUAGE: A HISTORICAL AND COMPARATIVE LINGUISTIC STUDY**

Abstract


Banjar language is an Austronesian language spoken by the Banjar tribe in Kalimantan, Indonesia as a mother tongue. Banjar language is a language branched from the Malay language. The Banjar language is hypothesized to be a proto-Malayik language, like to the Minangkabau language and the Serawai or Bengkulu language. This study will examine the relationship between cognates' level and century split between Banjar and Malay language by listing the basic vocabulary of both languages by using the comparison method and applying lexicostatistics' glottochronology. This basic vocabulary survey and listing will make use of Morris Swadesh's list of 100 words. This study focused on the changes of both Malay and Banjar to determine the cognates' level and century split for both languages. 91 out of 100 words or 91.9% Banjar vocabulary are cognates to Malay. Based on the percentage, it shows that Banjar and Malay language are at cognates' level. The century split between both languages is around the 17th century to the 19th century. This finding is also in line with linguistic forecasts by historian, that the age of the language / dialect is less than 2500 years. Even though they have the same cognates, Malay people are not able to understand Banjar without studying it. The finding of this study is one of the efforts made to document the linguistic elements of Banjar language which seems to be the increasingly marginalized.

Keywords: cognate, language Banjar, Malay, historical and comparative linguistics, quantitative.

PENGENALAN

Bahasa Banjar merupakan sebuah bahasa Austronesia yang dikelompokkan dalam rumpun bahasa Malayik yang dituturkan oleh suku Banjar sebagai bahasa ibunda di sekitar Kalimantan Selatan, Indonesia. Bahasa ini juga termasuk dalam daftar bahasa dominan di Indonesia (Kaplan *et. al.*, 2003; Yassir Nasanius, 2007).

Sebahagian ahli bahasa berpendapat bahawa bahasa Banjar tergolong dalam kelompok Bahasa Melayu Borneo Timur. Kelompok Borneo Timur menurunkan dua kelompok yang lain, iaitu Borneo Utara dan Borneo Tenggara. Borneo Tenggara menurunkan satu cabang yang akhirnya menurunkan bahasa Berau dan Kutai dan satu cabang lagi disebut sebagai kelompok Borneo Selatan yang menurunkan bahasa Banjar dan Bukit. (Jaludin Chucu ,2003; Fritz Schulze & Holger Warnk, 2006).



RAJAH 1. Pengelompokan bahasa Banjar

Hipotesis bahasa Banjar sebagai bahasa Melayik adalah seperti juga halnya bahasa Betawi, bahasa Iban, bahasa Minangkabau dan lain-lain. Hipotesis ini berdasarkan taraf bahasa Banjar sebagai *lingua franca*, iaitu jumlah penutur bahasa Banjar ini lebih banyak daripada jumlah suku Banjar itu sendiri (Anton M., 2000; Haspelmath, 2009). Penggunaan bahasa Banjar dalam pertuturan dan pergaulan seharian di Kalimantan Selatan dan sekitarnya lebih dominan jika dibandingkan dengan bahasa Indonesia. Di Kalimantan Selatan terdapat pelbagai suku yang berusaha menguasai bahasa Banjar sehingga lahirnya bahasa Banjar dengan loghat Jawa ataupun Madura yang masih kukuh seperti di Kota Banjarmasin (Iwan Fauzi, 2008).

Di Malaysia, taburan masyarakat Banjar di Semenanjung Malaysia boleh didapati di beberapa bahagian pantai barat, khususnya di kawasan penanaman padi seperti di daerah Kerian, iaitu di kawasan Bagan Serai dan Parit Buntar, Sungai Manik dan Bagan Datoh di Perak, Sabak Bernam dan Tanjong Karang di Selangor serta Batu Pahat di Johor (Aiza & Noraziah Hadi, 2020; Yusmawati, 2021). Di negeri Sabah pula, masyarakat Banjar banyak terdapat di daerah Sandakan. Menurut banci yang telah dibuat pada tahun 1930, jumlah orang Banjar di Tanah Melayu terdapat seramai 45,382 orang dan pada tahun 1947 jumlah ini menjadi semakin meningkat kepada 62,356 orang (Noriah & Ghazali, 2012).

Masyarakat Banjar dikenali sebagai '*Urang Banjar*' yang berasal dari Kalimantan Selatan yang telah '*madam*' ke Tanah Melayu pada hujung abad ke-19 serta mempunyai budaya, bahasa dan cara hidup tersendiri. Mereka bertutur menggunakan bahasa Banjar yang terdiri daripada pelbagai versi atau dialek, mengikut nama tempat asal mereka di Banjar Masin. Kebanyakan masyarakat Banjar di Malaysia bertutur menggunakan bahasa Banjar dialek Kalua dan dialek Alai (Jamaludin, 2019; Yusmawati, 2021). Di Kerian, Perak, majoriti masyarakat Banjar terdiri daripada kelompok Kalua dan kelompok lain seperti Amuntai, Barabai, Alai dan Alabiu. Di Parit Gabis, Bagan Serai pula terdapat kelompok Barabai dan Kandangan manakala di Alor Pongsu terdapat kelompok Amuntai dan Alabiu (Noriah & Ghazali, 2012). Penggunaan bahasa Banjar sebagai alat komunikasi seharian ini memudahkan masyarakat Banjar untuk bekerjasama melakukan aktiviti kehidupan mereka seperti bergotong-royong atau *badarau*, melakukan kerja-kerja menanam padi atau *babandang* dan melakukan *aruh* atau kenduri (Jamaludin, 2019; Yusmawati, 2021).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mohd Khaidir (2013; 2020) berkaitan aspek leksikal bahasa Banjar dengan bahasa Melayu mendapati bahawa terdapat beberapa aspek leksikal yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, Perak dalam kehidupan seharian. Antaranya ialah mengenai leksikal golongan kata nama (KN). Contohnya adalah seperti berikut:

- a) Kata nama yang menyatakan konsep “jantina”

Bahasa Banjar	Simbol Fonetik	Bahasa Melayu
lalakik	[lalakɛʔ]	lelaki
bibinik	[bibinɛʔ]	perempuan

- b) Kata nama yang menyatakan konsep “anggota badan”

Bahasa Banjar	Simbol Fonetik	Bahasa Melayu
muhak	[muhaʔ]	muka
lantuhot	[lantuhɔt]	lutut

Walaupun penghijrahan mereka sudah beratus ratus tahun lamanya, namun, penggunaan bahasa Banjar khususnya berkaitan aspek leksikal tertentu tidak pernah luput dan terus digunakan pada hari ini untuk tujuan komunikasi dan difahami oleh masyarakat Banjar di semua peringkat umur.



RAJAH 2. Peta penyebaran suku bangsa Banjar
Sumber. https://www.wikiwand.com/id/Bahasa_Banjar

Secara amnya, dapat dinyatakan bahawa bahasa Banjar dan bahasa Melayu dikelompokkan dalam rumpun bahasa Austronesia. Dalam konteks linguistik sejarah dan perbandingan, kedua-dua bahasa ini mempunyai hubungan kekerabatan. Walau bagaimanapun, dari segi kefahaman menyalang antara penutur, didapati hubungan kekerabatan yang dimaksudkan sudah agak jauh. Hal ini demikian kerana penutur kedua-dua bahasa ini sudah tidak saling memahami khususnya dalam kalangan generasi muda, kecuali mereka mempelajarinya. Oleh hal yang demikian, kajian ini berusaha untuk menentukan hubungan kekerabatan antara kedua-dua bahasa ini melalui perbandingan kosa kata asas dengan menggunakan kaedah perbandingan leksikostatistik.

Bagi membuktikan bahasa Banjar dan bahasa Melayu mempunyai hubungan kekerabatan, perbandingan dari sudut morfologi digunakan dalam kajian ini. Ini sejajar dengan pandangan yang dikemukakan oleh Harimurti (1988), iaitu penentuan jauh atau dekat kekerabatan bahasa-bahasa itu dilakukan dengan membandingkan beberapa sektor bahasa tertentu seperti fonologi dan morfologi.

OBJEKTIF KAJIAN

Menentukan tingkat kekerabatan dan abad pisah bahasa Banjar dengan bahasa Melayu dengan membandingkan 100 kosa kata dasar yang dikemukakan oleh Swadesh.

BATASAN KAJIAN

Senarai 100 kosa kata dasar oleh Swadesh (1955) digunakan untuk menentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah leksikostatistik. Penentuan abad pisah antara kedua-dua bahasa ini pula telah menerapkan kaedah glotokronologi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menjalankan kajian lapangan. Beberapa temu bual berstruktur telah dilakukan bersama informan masyarakat banjar di Mukim Bagan Serai, Perak. Kaedah temu bual secara berstruktur dijalankan bersama dengan 20 orang informan, iaitu lima orang informan yang mewakili setiap kampung yang telah dipilih dalam mukim Bagan Serai. Data linguistik, iaitu kosa kata dasar yang dikumpul daripada kajian lapangan merupakan data primer kerana kajian ini memperoleh data tersebut daripada penutur bahasa Banjar itu sendiri (Mohamad Rozi, 2021).

Kajian ini berlandaskan kajian dalam bidang linguistik sejarah dan perbandingan, iaitu membandingkan kosa kata dasar, menentukan tingkat kekerabatan serta abad pisah antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu.

Pemilihan Informan

Dalam kajian ini, informan yang dipilih merupakan penutur natif bahasa Banjar di setiap kampung yang dikaji. Informan orang Banjar dalam kajian ini merupakan mereka yang tinggal di empat buah perkampungan dalam mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, di Negeri Perak Darul Ridzuan, iaitu Kampung Masjid Tinggi, Kampung Parit Haji Taib, Kampung Parit Gabis dan Kampung Telok Medan. Jumlah informan yang dipilih ialah seramai 20 orang yang berbeza peringkat umur. Mereka terdiri daripada 10 orang warga emas dan 10 orang dewasa yang merupakan penutur asli bahasa Banjar. Pemilihan 20 orang responden ini berdasarkan kemampuan mereka menuturkan bahasa Banjar dengan baik dan telah menetap di kampung tersebut sejak lahir dan dalam tempoh yang agak lama. Informan yang dipilih juga tidak mempunyai masalah pendengaran dan alat artikulasinya berada dalam keadaan baik dalam proses penyebutan kosa kata dasar.

Saiz data

Data kosa kata dasar bahasa Banjar yang diambil adalah berdasarkan senarai 100 kosa kata dasar yang digunakan oleh Swadesh (1955). 100 kosa kata dasar tersebut diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu standard. Kajian ini melakukan temu bual dan rakaman terhadap penutur bahasa Banjar semasa proses penterjemahan senarai 100 kosa kata dasar tersebut.

Lokasi kajian

Lokasi kajian dilakukan di Kampung Masjid Tinggi, Kampung Parit Haji Taib, Kampung Parit Gabis dan Kampung Telok Medan, iaitu antara perkampungan yang terdapat dalam mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, di Negeri Perak Darul Ridzuan. Pemilihan lokasi tersebut disifatkan wajar kerana mukim ini terkenal sebagai salah satu penempatan suku Banjar yang terbesar di Malaysia. Selain itu, Persatuan Banjar Semenanjung Malaysia yang menjadi nadi utama masyarakat Banjar Semenanjung Malaysia berpusat di sini. Kampung-kampung yang dikaji dari segi latar belakangnya dalam mukim Bagan Serai adalah seperti berikut:

1) Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai

Kampung Masjid Tinggi dalam mukim Bagan Serai telah dipilih dalam kajian ini sebagai sumber utama untuk mendapat maklumat. Subkampung yang dipilih ialah Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi.

2) Kampung Parit Haji Taib

Kampung Parit Haji Taib merupakan sebuah perkampungan di mukim Bagan Serai, iaitu di sekitar daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Kampung ini mempunyai tiga subkampung, iaitu Parit Haji Taib Jalan Taiping, Parit Haji Taib 1 dan Parit Haji Taib 2.

3) Kampung Parit Gabis

Kampung Parit Gabis turut terletak di Bagan Serai, iaitu daerah Kerian, Perak. Kampung ini mempunyai dua subkampung, iaitu Parit Gabis Atas dan Parit Gabis Bawah.

4) Kampung Telok Medan

Kampung Telok Medan ini mempunyai tiga subkampung, iaitu Kampung Batu 14, Kampung Parit Ali Kalang 1 dan Kampung Belakang Surau.

Sebilangan besar penduduk di kampung-kampung terpilih adalah orang Melayu yang beragama Islam. Dari segi penempatan, kebanyakan mereka menetap di kampung-kampung bagi mendapatkan sumber ekonomi yang mana mereka melakukan kerja-kerja seperti bersawah, menoreh getah, memternak binatang peliharaan, berniaga secara kecil-kecilan dan membuat kuih tradisional untuk dijual melalui Projek Industri Asas Tani di bawah Kementerian Pertanian Malaysia.

Kaedah Perbandingan

Kaedah perbandingan merujuk kepada cara membandingkan dua atau lebih dialek ataupun bahasa. Kaedah perbandingan ini digunakan untuk mengungkap kekerabatan antara bahasa pada zaman prasejarah, iaitu sebelum wujudnya bahan bertulis (Noriah, 2001). Bahasa semasa yang wujud kini digunakan untuk mengenal pasti kekerabatan yang dipencarkan daripada bahasa induk atau proto.

Walau bagaimanapun, perkembangan masa telah menyebabkan dialek atau bahasa yang lebih muda atau bahasa turunan berkemungkinan berinovasi dan tidak sama lagi dengan bahasa induk. Selain untuk mendapatkan gambaran tentang bahasa induk, perbandingan secara khusus juga dilakukan bagi meneliti inovasi yang berlaku terhadap dialek atau bahasa yang dipencar daripada bahasa induk. Oleh itu, bidang perbandingan ini adalah bidang yang mempelajari data daripada suatu bahasa atau lebih, sekurang-kurangnya dalam dua tempoh masa. Data sesuatu bahasa dalam dua tempoh atau lebih itu akan dibandingkan secara terperinci bagi memperolehi kaedah perubahan yang berlaku dalam bahasa itu (diubahsuai daripada Gorys Keraf 1984: 22; Noriah, 2001).

Perbandingan bahasa dalam kajian ini bukannya bertujuan untuk memperolehi gambaran bahasa induk tetapi lebih kepada usaha meneliti perubahan dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Banjar. Dengan penelitian tersebut, maka dapat ditentukan tingkat kekerabatan bagi kedua-dua bahasa ini. Akhirnya, abad pisah kedua-dua bahasa ini juga dapat ditentukan secara umum melalui data leksikostatistik dan diikuti dengan kaedah glotokronologi. Walau bagaimanapun, keupayaan menganalisis

menggunakan kaedah kualitatif atau kaedah pemeriksaan unsur bahasa yang retensi dan berinovasi perlu dilakukan terlebih dahulu untuk mengenal pasti kosa kata yang berkognat (+), kosa kata yang tidak berkognat (-) dan kosa kata yang perlu disingkirkan.

Kaedah Perbandingan Kualitatif

Kaedah kualitatif atau kaedah perbandingan tradisional merujuk kepada pemeriksaan unsur bahasa yang retensi dan berinovasi. Di samping itu, kaedah ini akan mengenal pasti dan membandingkan kosa kata berkognat dalam bahasa-bahasa yang dianggap sekerabat (Noriah, 2001).

Kosa kata berkognat merujuk kepada kosa kata yang sama ataupun mirip bentuk dan makna dalam bahasa-bahasa sekerabat. Kosa kata yang wujud disebabkan oleh kosa kata berkenaan dipencarkan daripada bahasa induk yang sama (Noriah & Mohd Khaidir, 2020). Sebagai contoh, kaki **kaki* dalam bahasa Austronesia purba yang disebut sebagai kaki dalam bahasa Melayu dan bahasa Banjar merupakan kosa kata berkognat yang sama bentuk. Kata **udang* dalam bahasa Austronesia purba yang disebut sebagai *udang* dalam bahasa Melayu dan *hundang* dalam bahasa Banjar merupakan kosa kata berkognat yang mirip sahaja.

Kosa kata berkognat dalam bahasa-bahasa turunan yang sama dengan kosa kata bahasa induk dianggap kosa kata yang diretensi atau dikekalkan. Kosa kata berkognat yang mirip wujud disebabkan oleh berlakunya perubahan dan inovasi bahasa tersebut. Melalui kaedah pemeriksaan unsur, kosa kata berkognat daripada bahasa-bahasa yang dibandingkan dikumpulkan. Kata-kata tersebut boleh berupa kata dasar atau kata budaya asalkan kata-kata berkenaan memperlihatkan kesepadanan. Selepas ditentukan bentuk yang terawet dan berinovasi, bahasa-bahasa dikelompokkan berdasarkan data yang memperlihatkan kesepadanan yang lebih mirip bagi setiap kelompok. Dengan kata lain, jika dua atau lebih daripada dua bahasa memperlihatkan ciri-ciri retensi dan inovasi yang sama, maka bahasa-bahasa berkenaan tergolong dalam kelompok yang sama (Noriah, 2001; Noriah & Tarmizi, 2021).

Jumlah bahasa dan kosa kata yang dipilih bagi tujuan perbandingan perlu diperluas atau ditambah sehingga sampai ke tahap yang benar-benar dapat membezakan hubungan dekat atau jauh sesuatu bahasa atau dialek (Noriah, 2001; Noriah & Tarmizi, 2021).

Kaedah Perbandingan Leksikostatistik

Leksikostatistik merujuk kepada kaedah yang digunakan bagi menentukan kadar peratusan kata berkerabat dengan cara menghitung jumlah kata berkognat. Leksikostatistik menggunakan kaedah penelitian unsur retensi dan unsur inovasi. Perbezaan kaedah leksikostatistik dengan kaedah kualitatif dapat dilihat dari segi jenis kosa kata yang digunakan untuk perbandingan. Kaedah leksikostatistik menggunakan kosa kata dasar (*basic vocabulary*) sebagai asas penghitungan (Noriah & Ismail, 2021).

Kosa kata dasar yang digunakan sebagai asas perhitungan mempunyai dua sifat. Pertama, kosa kata dasar dianggap sukar untuk berubah jika dibandingkan dengan kosa kata budaya dan lazimnya bersifat sejagat dan menyeluruh. Kosa kata ini sepatutnya terdapat dalam semua bahasa di dunia yang merangkumi kata ganti nama, bilangan, anggota badan, alam sekitar, alat kelengkapan seharian dan sebagainya. Kedua, kosa kata dasar dianggap mempunyai sifat awet atau retensi yang malar bagi setiap seribu tahun. Dengan kata lain, kosa kata dasar dianggap dapat bertahan secara malar setiap seribu tahun dalam peratusan tertentu. Seribu tahun berikutnya, kosa kata dasar akan bertahan dengan peratusan yang sama. Berdasarkan kajian terhadap 13 buah bahasa Indo-Eropah yang mempunyai naskhah bertulis, didapati bahawa kosa kata dasar mampu bertahan sekitar 86.4% hingga 74.4% bagi setiap 1.000 tahun (Dyen, 1965; 1975; Gudschinsky, 1964; Noriah & Ismail, 2021).

Kerangka Teoretis

Kerangka teoretis yang digunakan dalam kajian ini ialah leksikostatistik. Kaedah leksikostatistik yang digunakan ini dapat menentukan lama waktu (atau usia bahasa) bagi sesuatu bahasa yang pernah wujud hasil daripada penemuan arkeologi (Gudschinsky, 1964).

Kaedah leksikostatistik ini merupakan kaedah perbandingan kuantitatif. Penggunaan kaedah perbandingan ini juga digunakan untuk memperincikan perbezaan dan persamaan kosa kata dalam bahasa-bahasa turunan. Selain itu, kaedah perbandingan bahasa ini juga digunakan bertujuan untuk menentukan abad pisah, lama waktu dan tingkat kekerabatan bahasa-bahasa yang dibandingkan. (Noriah Mohamed, 2021: 71).

Dalam kajian ini, kerangka teoretis leksikostatistik memilih 100 kosa kata dasar yang diperolehi daripada Swadesh (1955). Senarai 100 kosa kata dasar bahasa Inggeris telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard. Jadual 1 ini merupakan senarai asal yang digunakan oleh Swadesh (1955), manakala Jadual 2 merujuk kepada senarai perkataan yang telah diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu standard (Mohamad Rozi Kasim, 2021).

JADUAL 1. Senarai 100 kosa kata dasar yang digunakan dalam kaedah perbandingan

Senarai 100 Kosa Kata Dasar Swadesh							
1.	<i>all</i>	2.	<i>and</i>	3.	<i>animal</i>	4.	<i>ashes</i>
5.	<i>at</i>	6.	<i>back</i>	7.	<i>bad</i>	8.	<i>bark</i>
9.	<i>because</i>	10.	<i>belly</i>	11.	<i>big</i>	12.	<i>bird</i>
13.	<i>bite</i>	14.	<i>black</i>	15.	<i>blood</i>	16.	<i>blow</i>
17.	<i>bone</i>	18.	<i>breathe</i>	19.	<i>burn</i>	20.	<i>child</i>
21.	<i>cloud</i>	22.	<i>cold</i>	23.	<i>come</i>	24.	<i>count</i>
25.	<i>cut</i>	26.	<i>day</i>	27.	<i>die</i>	28.	<i>dig</i>
29.	<i>dirty</i>	30.	<i>dog</i>	31.	<i>drink</i>	32.	<i>dry</i>
33.	<i>dull</i>	34.	<i>dust</i>	35.	<i>ear</i>	36.	<i>earth</i>
37.	<i>eat</i>	38.	<i>egg</i>	39.	<i>eye</i>	40.	<i>fall</i>
41.	<i>far</i>	42.	<i>fat-grease</i>	43.	<i>father</i>	44.	<i>fear</i>
45.	<i>feather</i>	46.	<i>few</i>	47.	<i>fight</i>	48.	<i>fire</i>
49.	<i>fish</i>	50.	<i>five</i>	51.	<i>float</i>	52.	<i>flow</i>
53.	<i>flower</i>	54.	<i>fly</i>	55.	<i>fogt</i>	56.	<i>foot</i>
57.	<i>four</i>	58.	<i>freeze</i>	59.	<i>fruit</i>	60.	<i>give</i>
61.	<i>good</i>	62.	<i>grass</i>	63.	<i>green</i>	64.	<i>guts</i>
65.	<i>hair</i>	66.	<i>hand</i>	67.	<i>he</i>	68.	<i>head</i>
69.	<i>hear</i>	70.	<i>heart</i>	71.	<i>heavy</i>	72.	<i>here</i>
73.	<i>hit</i>	74.	<i>hold-take</i>	75.	<i>how</i>	76.	<i>hunt</i>
77.	<i>husband</i>	78.	<i>I</i>	79.	<i>ice</i>	80.	<i>if</i>
81.	<i>in</i>	82.	<i>kill</i>	83.	<i>know</i>	84.	<i>lake</i>
85.	<i>laugh</i>	86.	<i>leaf</i>	87.	<i>left</i>	88.	<i>leg</i>
89.	<i>lie</i>	90.	<i>live</i>	91.	<i>liver</i>	92.	<i>long</i>
93.	<i>louse</i>	94.	<i>man-made</i>	95.	<i>many</i>	96.	<i>meat-flesh</i>
97.	<i>mother</i>	98.	<i>mount</i>	99.	<i>mouth</i>	100.	<i>name</i>

[Sumber: Dipetik daripada Swadesh, 1955: 133-137]

JADUAL 2. Senarai 100 kosa kata dasar yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard.

Senarai 100 Kosa Kata Dasar Swadesh							
1.	<i>semua</i>	2.	<i>dan</i>	3.	<i>binatang</i>	4.	<i>debu</i>
5.	<i>di</i>	6.	<i>belakang</i>	7.	<i>jahat</i>	8.	<i>kulit pokok</i>
9.	<i>kerana</i>	10.	<i>perut</i>	11.	<i>besar</i>	12.	<i>burung</i>
13.	<i>gigit</i>	14.	<i>hitam</i>	15.	<i>darah</i>	16.	<i>tiup</i>
17.	<i>tulang</i>	18.	<i>nafas</i>	19.	<i>bakar</i>	20.	<i>kanak-kanak</i>
21.	<i>awan</i>	22.	<i>sejuk</i>	23.	<i>dating</i>	24.	<i>hitung</i>
25.	<i>potong</i>	26.	<i>siang</i>	27.	<i>mati</i>	28.	<i>gali</i>
29.	<i>kotor</i>	30.	<i>anjing</i>	31.	<i>minum</i>	32.	<i>kering</i>
33.	<i>tumpul</i>	34.	<i>habuk</i>	35.	<i>telinga</i>	36.	<i>tanah</i>
37.	<i>makan</i>	38.	<i>telur</i>	39.	<i>mata</i>	40.	<i>jatuh</i>
41.	<i>jauh</i>	42.	<i>lemak</i>	43.	<i>bapa</i>	44.	<i>takut</i>
45.	<i>bulu</i>	46.	<i>sikit</i>	47.	<i>lawan</i>	48.	<i>api</i>
49.	<i>ikan</i>	50.	<i>lima</i>	51.	<i>apung</i>	52.	<i>alir</i>
53.	<i>bunga</i>	54.	<i>terbang</i>	55.	<i>kabus</i>	56.	<i>kaki</i>
57.	<i>empat</i>	58.	<i>beku</i>	59.	<i>buah</i>	60.	<i>beri</i>
61.	<i>baik</i>	62.	<i>rumput</i>	63.	<i>hijau</i>	64.	<i>tamak</i>
65.	<i>rambut</i>	66.	<i>tangan</i>	67.	<i>dia</i>	68.	<i>kepala</i>
69.	<i>dengar</i>	70.	<i>hati</i>	71.	<i>berat</i>	72.	<i>sini</i>
73.	<i>pukul</i>	74.	<i>pegang</i>	75.	<i>bagaimana</i>	76.	<i>buru</i>
77.	<i>laki</i>	78.	<i>saya</i>	79.	<i>ais</i>	80.	<i>jika</i>
81.	<i>dalam</i>	82.	<i>bunuh</i>	83.	<i>tahu</i>	84.	<i>tasik</i>
85.	<i>ketawa</i>	86.	<i>daun</i>	87.	<i>kiri</i>	88.	<i>kaki</i>
89.	<i>tipu</i>	90.	<i>hidup</i>	91.	<i>jantung</i>	92.	<i>Panjang</i>
93.	<i>kutu</i>	94.	<i>lelaki</i>	95.	<i>banyak</i>	96.	<i>isi</i>
97.	<i>emek</i>	98.	<i>gunung</i>	99.	<i>mulut</i>	100.	<i>nama</i>

[Sumber: Diubahsuai daripada Swadesh, 1955: 133-137]

ANALISIS DATA

Kosa kata dasar yang digunakan dalam kaedah ini adalah terbatas jumlahnya. Senarai kosa kata dasar yang paling biasa digunakan ialah senarai cadangan Morris Swadesh (1955) (Senarai Swadesh atau *The Swadesh List*) yang mengandungi 100 kosa kata dasar.

Langkah Perbandingan Kosa Kata Dasar dalam Leksikostatistik

Perbandingan kosa kata dasar dalam leksikostatistik dimulakan dengan meneliti kosa kata dasar bagi bahasa Banjar dan bahasa Melayu. Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diikuti (Noriah & Ismail, 2021).

1. Tentukan kosa kata yang dapat digunakan atau yang perlu ditolak. Kosa kata yang harus ditolak ialah:
 - a) kata pinjaman (misalnya, '*almari*' dalam bahasa Melayu atau "*lamari*" dalam bahasa Banjar dipinjam daripada bahasa Portugis)

- b) kata kosong (ada dalam satu bahasa tetapi tidak ada dalam bahasa yang satu lagi).
 - c) kata majmuk (contoh dalam perbandingan ini 'kulet pukok').
2. Jika terdapat kata terbitan, imbuhan perlu disingkirkan dan gunakan kata dasar sahaja. Jika kata dasar berkenaan sudah wujud dalam kata lain sebelumnya, kata dasar tersebut juga perlu disingkirkan.
 3. Setelah selesai ditolak semua kata yang tidak diperlukan, barulah ditetapkan jumlah kata yang boleh dibandingkan.
 4. Membandingkan kosa kata dan menentukan taraf kognat antara kosa kata. Untuk menentukan sama ada pasangan kosa kata itu berkognat ataupun tidak, kriteria dalam perbandingan kualitatif seperti yang berikut diambil kira.
 - a) Pasangan kata itu mempunyai persamaan bentuk dan makna secara total.
 - b) Pasangan kata itu memiliki bentuk dan makna yang sepadan atau mirip.

Hasil perbandingan akan memperlihatkan jumlah kata berkognat antara kedua-dua bahasa.

5. Dapatkan peratus kata berkerabat, iaitu c dengan membahagikan jumlah kata berkognat dengan jumlah kata yang dibandingkan, iaitu n dan jumlah kata selepas ditolak kata-kata yang tidak diperlukan.
6. Apabila peratus kata berkerabat sudah diperoleh, penerapan kaedah glotokronologi dapat menentukan abad pisah bahasa Banjar dengan bahasa Melayu yang dibandingkan.

Setelah mendapat peratus kata berkerabat c menerusi kaedah leksikostatistik, pengiraan waktu pisah dan usia kedua-dua bahasa yang dibandingkan dapat dikira dengan menggunakan rumus glotokronologi yang telah disarankan oleh Lees (Lehman, 1973: 105) dan Gudschinsky (1964: 618). Rumus untuk menghitung waktu pisah dalam ribuan tahun atau abad t adalah seperti yang berikut:

$$t = \frac{\log c}{2 \log r}$$

- t = Waktu pisah dalam ribuan tahun atau abad
- c = Peratus kata berkerabat
- r = Kadar bertahan kosa kata dalam 1000 tahun.
Kadar yang diguna ialah 86 peratus atau 0.86 (daftar 100 patah kosa kata) dan 81 peratus atau 0.81 (untuk 200 patah kosa kata)
- \log = Logaritma asli

JADUAL 3. Logaritma asli

N	.00	.01	.02	.03	.04	.05	.06	.07	.08	.09
.1	-2.302	-2.207	-2.120	-2.040	-1.966	-1.897	-1.833	-1.772	-1.715	-1.661
.2	-1.609	-1.561	-1.514	-1.470	-1.427	-1.386	-1.347	-1.309	-1.273	-1.238
.3	-1.204	-1.171	-1.139	-1.109	-1.079	-1.050	-1.022	-.994	-.968	-.942
.4	-.916	-.892	-.868	-.814	-.821	-.799	-.777	-.755	-.734	-.713
.5	-.692	-.673	-.654	-.635	-.616	-.598	-.580	-.562	-.545	-.528
.6	-.511	-.494	-.478	-.462	-.446	-.431	-.416	-.400	-.386	-.371
.7	-.357	-.342	-.329	-.315	-.301	-.288	-.274	-.261	-.248	-.236
.8	-.223	-.211	-.198	-.186	-.174	-.163	-.151	-.139	-.128	-.117
.9	-.105	-.094	-.083	-.073	-.062	-.051	-.041	-.030	-.020	-.010

[Sumber: Gudschinsky (1964) dan Swadesh (1971)]

Dalam konteks ini, logaritma yang digunakan adalah logaritma asli, iaitu dengan menggunakan simbol *loge*. Simbol *loge* ini digunakan untuk merujuk *in* (logaritma asli) dalam pengiraan glotokronologi. Melalui rumus tersebut, waktu pisah dalam tahun akan dapat dibuktikan dalam ribuan tahun atau abad.

Berdasarkan peratusan kata berkerabat, dapatlah ditentukan tingkat kekerabatan antara bahasa dengan menggunakan jadual tingkat kekerabatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Jadual tingkat kekerabatan bahasa

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratus kata berkerabat
Bahasa	0 – 5 abad	100 – 81
Keluarga	5 – 25 abad	81 – 36
Rumpun	25 – 50 abad	36 – 12
Mikrofilum	50 – 75 abad	12 – 4
Mesofilum	75 – 100 abad	4 – 1
Makrofilum	100 abad dan ke atas	Kurang daripada 1

[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Gudschinsky, 1964: 621]

DAPATAN KAJIAN

JADUAL 5. Perbandingan taraf kognat atau tidak berkognat 100 kosa kata dasar bahasa Banjar dengan bahasa Melayu.

Bil	Ejaan		Fonetik		Taraf Kognat (+) atau (-)
	Bahasa Banjar	Bahasa Melayu	Bahasa Banjar	Bahasa Melayu	
1	samua	semua	samua	səmu ^w a	+
2	dan	dan	dan	dan	+
3	bineteng	binatang	binətəŋ	binatəŋ	+

4	dabu	debu	dəbu	dəbu	+
5	di	di	di	di	+
6	blakeng	belakang	blakəŋ	bələkaŋ	+
7	jehat	jahat	dʒəhat	dʒahat	+
8	kulet pukok	kulit pokok	kulət poko?	kulit poko?	TOLAK
9	karana	kerana	karana	kərana	+
10	parot	perut	parot	pərut	+
11	basar	besar	basar	bəsar	+
12	burung	burung	buruŋ	buroŋ	+
13	gigit	gigit	gigit	gigit	+
14	hirang	hitam	hiraŋ	hitam	+
15	darah	darah	darah	darah	+
16	tiup	tiup	tiup	ti ^y up	+
17	tulang	tulang	tulaŋ	tulaŋ	+
18	nafas	nafas	nafas	nafas	+
19	bekar	bakar	bəkar	bakar	+
20	kanakan	kanak-kanak	kanakan	kana?-kana?	+
21	awan	awan	awan	awan	+
22	dingin	sejuk	dinjin	sədʒuk	-
23	datang	datang	dataŋ	dataŋ	+
24	kira	hitung	kira	hiton	-
25	putong	potong	puton	poton	+
26	siang	siang	siaŋ	si ^y aŋ	+
27	matek	mati	matə?	mati	+
28	gali	gali	gali	gali	+
29	kutor	kotor	kutor	koto	+
30	anjing	anjing	andʒiŋ	an?dʒiŋ	+
31	minum	minum	minum	mi?num	+
32	kering	kering	keriŋ	kəriŋ	+
33	dumpu	tumpul	dumpu	tumpol	+
34	habuk	habuk	habu?	habo?	+
35	talinga	telinga	taliŋa	təliŋa	+
36	tanah	tanah	tanah	tanah	+
37	makan	makan	ma?an	makan	+
38	telur	telur	təlur	təlor	+
39	mata	mata	mata	mata	+
40	jatuh	jatuh	dʒatu?	dʒatuh	+
41	jauh	jauh	dʒauh	dʒa ^w uh	+
42	lamak	lemak	lama?	ləma?	+
43	bapa	bapa	bapa	bapa	+
44	takutan	takut	takutan	taku?	+
45	bulu	bulu	bulu	bulu	+
46	sikit	sikit	sikit	si?kit	+
47	lawan	lawan	lawan	lawan	+
48	api	api	api	api	+
49	iwak	ikan	iwa?	ikan	+
50	lima	lima	lima	lima	+

51	apung	apung	apuŋ	apoŋ	+
52	alir	alir	alir	alir	+
53	kambang	bunga	kambaŋ	buŋa	-
54	tarabang	terbang	tarabaŋ	terbaŋ	+
55	kabus	kabus	kabus	kaʔbus	+
56	batis	kaki	batis	kaki	-
57	ampat	empat	ampat	əmpat	+
58	beku	beku	bəku	bəku	+
59	buah	buah	buah	bu ^w ah	+
60	bagi	beri	bagi	bəri	+
61	baik	baik	baiʔ	baiʔ	+
62	rumput	rumput	rumput	rumpot	+
63	hijau	hijau	hijau	hijau	+
64	tamak	tamak	tamaʔ	tamaʔ	+
65	rambut	rambut	rambut	rambot	+
66	tangan	tangan	taŋan	taŋan	+
67	inya	dia	iŋa	dia	+
68	kepala	kepala	kəpala	kəpala	+
69	dengar	dengar	dəŋar	dəŋa	+
70	hati	hati	hati	hati	+
71	berat	berat	bərat	bərat	+
72	sini	sini	sini	sini	+
73	pukul	pukul	puʔul	pukul	+
74	pegang	pegang	pəgaŋ	pəgaŋ	+
75	kayapa	bagaimana	kaʔjapa	bagaimana	-
76	buru	buru	buru	buru	+
77	lalakik	laki	lalakiʔ	laki	+
78	saya	saya	saja	saja	+
79	aes	ais	aəs	ais	+
80	amon	jika	amon	jika	-
81	delam	dalam	dəlam	dalam	+
82	bunuh	bunuh	bunuh	bunoh	+
83	tahu	tahu	tahu	tahu	+
84	tasik	tasik	tasiʔ	tasik	+
85	tatawa	ketawa	tatawa	kətawa	+
86	daun	daun	daun	da ^w un	+
87	kirek	kiri	kirəʔ	kiri	+
88	batis	kaki	batis	kaki	-
89	kalihom	tipu	kalihom	tipu	-
90	hidup	hidup	hidup	hidup	+
91	jantung	jantung	jantuŋ	jantuŋ	+
92	panjang	panjang	panjaŋ	panjaŋ	+
93	kutu	kutu	kutu	kutu	+
94	lelaki	lelaki	ləlaki	ləlaki	+
95	banyak	banyak	baŋaʔ	baŋaʔ	+
96	isi	isi	isi	isi	+
97	umak	emak	umaʔ	əmaʔ	+

98	gunung	gunung	gunuŋ	gunoŋ	+
99	muntung	mulut	muntuŋ	mulut	+
100	nama	nama	nama	nama	+

Terdapat satu sahaja kosa kata dasar yang ditolak, iaitu kosa kata yang terdapat pada bilangan 8 (kulit pokok) kerana perkataan tersebut merupakan kata majmuk. Selepas ditolak satu kosa kata ini, maka ditentukan jumlah kosa kata yang dibandingkan, iaitu $n = 100 - 1 = 99$. Semua kosa kata telah dibandingkan dan ditentukan taraf kognat dengan menggunakan kriteria perbandingan kualitatif. Kosa kata berkognat diberi tanda campur (+), manakala yang tidak berkognat bertanda tolak (-). Berdasarkan Jadual 5, peratus kosa kata berkerabat antara bahasa Banjar dan bahasa Melayu adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Jumlah kosa kata yang ditolak} &= 1 \\
 \text{Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100-1)} &= 99 \\
 \text{Jumlah kosa kata yang berkognat (99-8)} &= 91 \\
 \text{PERATUS KOSA KATA BERKOGNAT (91/99)} &= 0.919 \\
 &= 91.9\%
 \end{aligned}$$

PENENTUAN ABAD PISAH BAHASA MELAYU DENGAN BAHASA BANJAR (PENERAPAN KAEDAH GLOTOKRONOLOGI)

(1) Cari nilai t (waktu pisah dan umur bahasa):

$$t = \frac{\log c}{2 \log r (0.86)}$$

$$t = \frac{\log 0.91}{2 \log 0.86}$$

$$t = \frac{-0.0943}{2x - 0.151}$$

$$t = \frac{-0.0943}{-0.302}$$

$$t = 0.3122$$

$$t = 0.3122 \times 1000$$

$$t = 312$$

(2) Cari nilai s :

$$s = \sqrt{\frac{c(1-c)}{n}}$$

$$s = \sqrt{\frac{0.91(1-0.91)}{99}}$$

$$s = \sqrt{\frac{0.91(0.09)}{99}}$$

$$s = \sqrt{\frac{0.0819}{99}}$$

$$s = \sqrt{0.000827}$$

$$s = 0.02875$$

(3) Cari nilai c yang baru atau cl

$$cl = c + s$$

$$cl = 0.91 + 0.02875$$

$$cl = 0.93875$$

(Peratus kekerabatan yang baru)

(4) Cari nilai $t1$

$$t1 = \frac{\log c1}{2 \log r}$$

$$t1 = \frac{\log 0.93875}{2 \log 0.86}$$

$$t1 = \frac{-0.0632}{2x - 0.151 - 0.0632}$$

$$t1 = \frac{-0.302}{-0.302}$$

$$t1 = 0.20927$$

$$t1 = 0.20927 \times 1000$$

$$t1 = 209$$

(5) Cari jangka kesalahan:

$$t - t1 = 312 - 209$$

$$= 103$$

(6) Jangka abad pisah = antara $t + (t - t2)$ hingga $t - (t - t2)$

$$= 312 + 103 = 415$$

$$= 312 - 103 = 209$$

- (7) Tentukan abad pisah (dari tahun 2021)
 $2021 - 415 = 1606$ (abad ke-17)
 $2021 - 209 = 1812$ (abad ke-18)

Jadual 6. Tingkat kekerabatan bahasa Banjar dengan bahasa Melayu.

Bahasa yang dibandingkan	Peratus kata berkognat	Tahun/ Abad pisah	Tingkat kekerabatan
Bahasa Banjar dengan bahasa Melayu	91.9	Abad ke-17 – Abad ke-19	Bahasa

Berdasarkan perbandingan di atas, didapati bahawa hubungan kekerabatan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu sangat dekat. Daripada 99 perkataan yang dibandingkan sebanyak 91 kosa kata yang menyamai atau berkognat dengan bahasa Melayu. Peratus kekerabatan pula menunjukkan jumlah sebanyak 91.9 peratus. Berdasarkan peratusan kata berkerabat, bahasa Banjar dengan bahasa Melayu berada pada tingkat kekerabatan bahasa, iaitu peratus kerabat antara 100 – 81 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Kekerabatan ini merujuk kepada hubungan kekeluargaan atau persanakan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu yang dipencarkan daripada sumber bahasa proto yang sama. Abad pisah kedua-dua bahasa ini pula diandaikan berlaku antara abad ke-17 sehingga abad ke-19. Abad pisah ini merujuk kepada tempoh masa atau lama waktu kedua-dua bahasa ini mula berpisah daripada bahasa induk dan membuat haluan tersendiri. Dapatan ini juga selari dengan perkiraan linguistik sejarah, lama-waktu atau usia sesuatu bahasa atau dialek kurang daripada 2500 tahun (Asmah, 2008).

JADUAL 7. Jadual tingkat kekerabatan bahasa Banjar dengan bahasa Melayu.

Tingkat kekerabatan	Peratus kata berkerabat
Bahasa	100 – 81
Keluarga	81 – 36
Rumpun	36 – 12
Mikrofilum	12 – 4
Mesofilum	4 – 1
Makrofilum	Kurang daripada 1

[*Sumber:* Dipetik dan diubahsuai daripada Gudschinsky, 1964: 621]

KESIMPULAN

Makalah ini telah membicarakan dan menerapkan kaedah perbandingan leksikostatistik dan glotokronologi antara dua bahasa Austronesia, yaitu bahasa Banjar dan bahasa Melayu. Kajian ini merupakan usaha kecil mendokumentasikan kosa kata bahasa Banjar dan hubungan kekerabatan dengan bahasa Melayu yang dipencarkan daripada induk yang sama. Walaupun hubungan kekerabatan bahasa Banjar dengan bahasa Melayu sangat dekat, yaitu dalam tingkat kekerabatan bahasa. Namun, sekiranya orang Banjar bertutur, dapat diandaikan bahawa orang Melayu tidak dapat memahami bahasa mereka kecuali dengan mempelajari bahasa tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Aiza Maslan @ Baharuddin & Norazian Hadi Yaacob. (2020). Komuniti Banjar di Tanah Rantau: Ibadah Haji sebagai Satu Dorongan Tradisi Masyarakat Banjar “Madam Ka Banua Urang”. PPIK USM, Jabatan Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan UPSI. *Jurnal Perspektif, Jil 12: 39 – 52*.
- Anton M. Moeliono. (2000). *Kajian Serba Linguistik*. Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya & BPK Gunung Mulia.
- Campbell, Lyle dan Mauricio J. Mixco. (2007). *A Glossary of Historical Linguistics*. Edinburgh University Press.
- Dyen, I. (1965). A Lexicostatistical Classification of Austronesian Languages. A Special Issue of the International. *Journal of American Linguistics, (64)(1), 153 – 154*.
<https://doi.org/10.1525/aa.1965.67.1.02a00470>
- Dyen, I. (1975). *Linguistic Subgrouping and Lexicostatistics*. Mouton.
- Fritz Schulze & Holger Warnk. (2006). *Insular Southeast Asia: Linguistic and Cultural Studies in Honour of Bernd Nothofer*. Otto Harrassowitz Verlag.
- Gudschinsky, S. (1964). “The ABC’s of Lexicostatistics (Glotochronology)”, dalam Dell Hymes, *Language in Culture and Society, A Reader in Linguistic and Society A Reader in Linguistic and Anthropology* (hal. 612 – 623). Harper and Row.
- Harimurti Kridalaksana. (1988). Masalah metodologi dalam rekonstruksi “Bahasa Melayu Purba”. Dlm. Mohd Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (Penyusun). *Rekonstruksi dan cabang-cabang bahasa Melayu induk*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Haspelmath, M. (2009). *Loanwords in the World’s Languages: A Comparative Handbook*. Walter De Gruyter Mouton & Co. KG.
- Ismail Mohd dan Noriah Mohamed. (2021). Kesamaan Linguistik dan Kaedah Perbandingan Kuantitatif dalam Noriah Mohamed (Peny.). *Menelusuri Intisari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Iwan Fauzi. (2008). Pemertahanan Bahasa Banjar di Komunitas Perkampungan Dayak. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dialek-dialek Austronesia di Nusantara III. Falkulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam*.
- Jaludin Chucu. (2003). *Dialek Melayu Brunei dalam Salasilah Bahasa Melayu Purba*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaludin bin Asaari. (2019). *Sejarah Masyarakat Banjar*. Persatuan Banjar Malaysia.
- Kaplan et. al., (2003). *Language and Language in Education Planning in the Pacific Basin*. Kluwer Academic Publishers.
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Hubungan Kekerabatan Antara Bahasa Jakun dengan Bahasa Melayu Purba: Satu Analisis Perbandingan Kosa Kata Dasar. *Jurnal Bahasa, 21(1), 41-66*.
[http://doi.org.10.37052/jb21\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/jb21(1)no3).

- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2013). Analisis Dialek Banjar dari Aspek Fonologi. *International Conference Solls. INTEC.13 Knowledge-Innovation-Excellence: Synergy in Language Research and Practice*. The School of Language Studies and Linguistics Faculty of Social Science and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohd NorTaufiq NorHashim. (2020). Aspek Leksikal Kata Nama dalam Dialek Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Perak. *Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2 (2),67-78. <https://ejbl.kuis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/50/19>
- Noriah Mohamed & Ghazali Basri. (2012). *Masyarakat Banjar Johor*. Yayasan Warisan Johor.
- Noriah Mohamed & Ismail. (2021). *Menelusuri Intisari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).
- Noriah Mohamed & Tarmizi Hasrah. (2021). Kesamaan Linguistik dan Kaedah Perbandingan Kualitatif dalam Noriah Mohamed (Peny.) *Menelusuri Intisari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Noriah Mohamed dan Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2020). *Nota Kuliah HMT 316 Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa Austronesia (NO.IPR: LY2020000290)*. Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2001). Perbandingan Kuantitatif Bahasa Miri dengan Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* (1)(3), 378 – 397.
- Swadesh, M. (1955). *Towards greater accuracy in lexicostatistic dating*. *International Journal of American Linguistics*, 21(2), 121-137. Diakses daripada <https://sci-hub.tw/10.1086/464321>.
- Wikiwand, Bahasa Banjar. https://www.wikiwand.com/id/Bahasa_Banjar
- Yassir Nasanius. (2007). *Pertemuan Linguistik Pusat Kajian Bahasa dan Budaya Atma Jaya: Kedelapan Belas*. Yayasan Obor.
- Yusmawati Mat Yusof. (2021). Kata Sapaan dan Rujukan dalam kalangan Masyarakat Banjar Terpilih di Daerah Kerian, Perak. *Disertasi Sarjana Bahasa Melayu Mod Campuran, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia*.